

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan soalan daripada YB Padang Besar bertarikh 26 Mac 2014, soalan no 22 kerana keduanya menyentuh isu dan persoalan yang sama iaitu mengenai rancangan peningkatan kebajikan, kebolehpasaran pesara serta program keusahawanan bekas tentera.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk menjawab pertanyaan YB Sekijang, sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pertahanan telah menubuhkan 2 agensi khusus untuk menjaga kebajikan dan kebolehpasaran veteran tentera iaitu Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV) dan Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT).

JHEV yang telah ditubuhkan pada tahun 2002 memberikan tumpuan khusus kepada tanggungjawab menjaga kebajikan anggota veteran ATM seperti menguruskan pencen, menyediakan perkhidmatan dan peralatan perubatan, menyalurkan bantuan persekolahan dan bantuan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) kepada anak-anak veteran, mengenal pasti dan menyediakan rumah kepada veteran yang amat memerlukan serta memberikan bantuan kecemasan kepada veteran yang mengalami bencana dan lain-lain bantuan kebajikan.

Manakala PERHEBAT pula berperanan menyediakan khidmat latihan teori dan praktikal pra persaraan (Latihan Peralihan) kepada anggota ATM. Latihan yang dilaksanakan adalah disesuaikan mengikut bidang dan kecenderungan pelatih berdasarkan kepada rancangan masa hadapan mereka. Latihan yang telah disediakan ini, bertujuan untuk menyediakan bakal pesara ATM didalam pasaran kerja kedua selepas menamatkan perkhidmatan. Bagi mereka yang berminat untuk menjadi usahawan, kursus-kursus dan latihan yang bersesuaian juga disediakan dalam bentuk *hardskill* dan *softskill*.

Tuan Yang di-Pertua,

Menjawab pertanyaan YB Sekijang dan YB Padang Besar berkaitan usaha Kementerian Pertahanan untuk melahirkan usahawan Industri Kecil Sederhana (IKS) dari kalangan veteran, sukacita ingin saya nyatakan bahawa setakat ini seramai 2229 orang telah dilatih iaitu 1226 orang dalam bidang IKS dan 1003 orang dalam bidang peruncitan.

Mengikut pemantauan PERHEBAT sejumlah 30% daripada mereka telah menceburi bidang perniagaan dan telah berjaya dalam perniagaan sebenar. Melalui kerjasama dengan TEKUN kita telah berjaya mendapatkan pinjaman sejumlah hampir RM 8 juta kepada 460 veteran yang melibatkan diri dalam bidang perniagaan dengan pinjaman maksimum RM 50 ribu setiap orang iaitu melalui Skim Pembiayaan Mikro Usahawan Veteran ATM (SPM UV – ATM). Dengan peruntukan khas sebanyak RM 50 juta yang diluluskan oleh YAB Perdana Menteri pada

tahun 2012, PERHEBAT sedang melaksanakan pembangunan usahawan baru dikalangan veteran ATM tidak berpencen dan telah mensasarkan sekurang-kurangnya sebanyak 3000 orang usahawan baru akan dapat dilahirkan.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab pertanyaan YB Padang Besar berkaitan penubuhan koperasi kecil yang melibatkan veteran ATM, sukacita saya nyatakan disini mengikut rekod Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Penggunaan (KPDNKK) sebanyak 84 buah koperasi berkaitan veteran ATM telah ditubuh dan 67 daripadanya bergiat aktif dalam bidang perniagaan seperti bidang kredit, pertanian, perumahan, perindustrian, pengangkutan dan lain-lain. Dengan bilangan ahli koperasi yang terlibat adalah seramai 7,783 ahli.